

26 SEP 1997

Jerebu-Longgar

PERINTAH DARURAT DILONGGARKAN DI SARAWAK

KUCHING, 26 Sept (Bernama) -- Kualiti udara di Sarawak terus bertambah baik hari ini dengan Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencatat bacaan 286 setakat pukul 6 petang ini, yang terendah sejak perintah darurat jerebu diisytiharkan lapan hari lalu.

Ketika darurat jerebu diisytiharkan, paras IPU adalah melebihi 600 dengan bacaan paling tinggi yang dicatatkan adalah 851 pada pukul 1 petang Selasa lalu.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr George Chan Hong Nam berkata bacaan itu besar kemungkinan akan turun lagi berikutan perubahan cuaca.

Berikutan keadaan yang semakin baik garis panduan darurat yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dilonggarkan bagi membolehkan lebih banyak sektor yang terbabit oleh perintah itu dapat meneruskan operasi.

Mengikut darurat jerebu, semua sekolah, pejabat kerajaan dan swasta, kilang, kuari, kerja-kerja tanah dan aktiviti pembinaan diarah menghentikan operasi.

Ketika mengumumkan kelonggaran itu, Dr Chan berkata ia diberikan dengan beberapa syarat.

Katanya, mereka dalam sektor pertanian dan kelapa sawit boleh memulakan operasi selagi mematuhi undang-undang alam sekitar yang sedia ada dan mereka juga perlu memastikan operasi dijalankan pada tahap minimum.

"Pemetikan buah boleh dijalankan dan para pekerja disyaratkan memakai topeng muka ketika berada di ladang," katanya dalam persidangan berita bersama dengan Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu.

Sektor lain yang diberikan kelonggaran adalah industri berasaskan kayu, kilang simen/batu hangus, kilang asphalt dan aktiviti pembinaan. Sektor-sektor ini harus menghentikan operasi apabila paras IPU melebihi 500.

Kuari dan kerja-kerja tanah bagaimanapun masih tidak dibenarkan beroperasi sehingga perintah darurat jerebu ditarik balik, katanya.

-- BERNAMA

CJ AKD